

13 JUN 1999

KHALIL SEDIA TELITI PERMOHONAN MINTA PERUBAHAN DI RTM

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob berkata beliau sanggup meneliti permohonan daripada mana-mana pihak terutama berkaitan penerbitan drama yang mahukan perubahan dalam Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Saya menerima apa sahaja idea, tulislah kepada saya dan saya akan menelitinya ... yang boleh ubah saya ubah," katanya di majlis pelancaran drama "Perjuangan Yang Belum Selesai" yang mengisahkan imbasan biografi dan perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khalil yang dilantik Menteri Penerangan bulan lepas menggantikan Datuk Mohamed Rahmat berkata beliau tidak boleh tergesa-gesa membuat perubahan dalam RTM atau kementerian.

"Saya tidak mahu buat perubahan sesuka hati ... mungkin perubahan yang saya mahu buat itu dianggap tidak elok kepada orang lain dan perubahan yang dikehendaki oleh orang mungkin dianggap tidak sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menyahut gesaan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali yang meminta Khalil untuk membawa perubahan dalam RTM.

Ibrahim yang juga Pengerusi Yayasan Pasir Mas yang terbabit dalam penerbitan drama itu ketika berucap di majlis itu berkata beliau kesal kerana pihak yang tidak erti perjuangan khususnya dalam bidang penerbitan diberi tempat dalam RTM.

-- BERNAMA

ARA FAZ